

17/07/2001

Kembara Puisi IPT bertamu di USM

Salbiah Ani

DATARAN Bintang, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, akan bergema dengan lagu dan deklamasi puisi serta mantera apabila acara Kembara Puisi IPT 2001 bermula pada jam 3.30 petang, hari ini.

USM menjadi tuan rumah bagi program kali keenam dengan tema Suara Nurani Jati Diri Bangsa anjuran Berita Harian Sdn Bhd (BHSB) selepas Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalankan tugasnya pada bulan lalu.

Program kali ini mendapat kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (USM), USM dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat).

Tugas selaku tuan rumah bagi program ini, pasti bukan suatu beban kerana USM mempunyai tenaga penggiat dalam bidang ini sama ada tenaga akademik atau mahasiswanya.

Sebahagian besar penggiat sastera tanah air kini berkampung di USM dan salah seorang daripadanya, Rahimidin Zahari, turut memeriahkan majlis Kembara Puisi IPT 2001 hari ini dengan manteranya, Pesenang Angin.

Penyair yang banyak menampilkan karya bernafas Islam itu selesa menampilkan mantera ketika beraksi di pentas kerana sudah terdedah dengan tradisi sastera lisan Melayu sejak kecil.

"Ahli perubatan tradisional Melayu menggunakan mantera untuk membangkitkan semangat baru dan memperkasakan jiwa pesakit dengan meniupkan mantera kepada mereka," katanya yang diberi tanggungjawab membuka panggung sejak kecil.

Justeru, tidak menghairankan apabila Rahimidin mempunyai pandangan yang berbeza terhadap tradisi sastera lisan Melayu seperti main puteri, bageh dan wayang kulit.

"Tradisi sastera lisan Melayu yang didakwa membawa unsur khurafat sewajarnya dimurnikan dan bukan dibunuh kerana ia sebahagian daripada sejarah bangsa kita," katanya.

Beliau mencadangkan pihak berkenaan negara ini mencontohi Jepun dalam memelihara khazanah kebudayaan, kesenian dan kesusasteraan mereka sehingga terus diperkasakan sekalipun pada era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Jepun sebagai jaguh ekonomi Asia terus memelihara teater Noh dan Kabuke dengan mengekalkan persembahannya dalam bentuk tradisi manakala tiket untuk menyaksikan persembahan kesenian itu terpaksa ditempah lebih awal," katanya.

Mahasiswa pengkhususan drama dan teater USM, Rosnan Nordin, pula memilih untuk melagukan Maafkan Aku Kalau Aku Berlaku Songsang karya Latiff Mohidin dan Bandaraya puisinya sendiri.

"Latiff dalam puisinya nyata mementingkan akar bangsanya manakala puisi saya, Bandaraya, mengajak khalayak menapis kepincangan budaya barat dengan budaya setempat," katanya yang pernah terpilih ke carta 10 program Komposer anjuran TV3.

Rosnan akan melagukan kedua-dua puisi itu sambil bermain gitar akustik dan mahasiswa seni muzik USM mengiringi persembahannya dengan bermain tamborin dan bonggo.

"Saya lebih suka puisi dipersembahkan dalam bentuk lagu atau dekon (deklamasi dan lakonan) kerana ia mengelakkan khalayak bosan serta dapat mengajak mereka berfikir sambil berhibur," katanya.

Beliau berkata, puisi dan teater tidak boleh dipisahkan, manakala hubungan kait antara kedua-dua genre sastera ini dapat dikesan sejak dari zaman

Greek lagi yang bertanggungjawab memperkenalkan dekon.

"Khalid Salleh dan Salleh Ben Joned memperkenalkan bacaan puisi secara dekon pada 1970-an, manakala Allahyarham Mustaffa Noor pula dalam bentuk gerak dengan diiringi penari tarian klasik India, Ramli Ibrahim," katanya.

Rosnan berharap Malaysia mencontohi Thailand dan Indonesia dalam usahanya memperkenalkan sastera sebagai subjek di sekolah rendah sehingga mereka turut berjaya melahirkan bakat besar dalam dunia seni.

"Perlu diingat tiga perkara iaitu sastera, budaya dan keagamaan tidak boleh dibuang begitu saja kerana jika kita mempunyai kaedah atau sistem betul, ia boleh membantu mengurangkan gejala sosial di kalangan pelajar," katanya.

Mahasiswa Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM, Salleh Yaakub, memilih Misi Semalam, karyanya yang memenangi hadiah pada Pertandingan Puisi YTL Pulau Pinang baru-baru ini.

"Puisi ini saya tulis bagi menimbulkan kesedaran kepada muda-mudi Malaysia supaya mereka belajar daripada peristiwa silam dan tidak mengulangi kesilapan lalu yang boleh memudaratkan diri serta negara," katanya.

Salleh berkata, sokongan semua pihak pada peringkat bawahan dan atasan dapat membantu gerakan yang ingin melihat puisi Melayu kembali bergema dalam pembangunan negara.

"Saya terbabit dalam penyelidikan sastera dan percaya pelajar sekolah negara ini mampu menyelami puisi dan membuat tafsiran jika mereka dibimbing dengan cara yang betul dalam genre berkenaan," katanya.

Beliau percaya masalah yang dihadapi sesetengah guru dalam pengajaran Komponen Sastera Dalam Bahasa Melayu (Komsas) pada masa ini kerana mereka suka menceduk model dari Barat sehingga menimbulkan kekeliruan.

"Kita sering terkongkong dengan kaedah pengajaran sastera tulen yang terikat dengan struktur tema, persoalan, plot dan perwatakan sedangkan kita sepatutnya mendorong pelajar menghargai sastera bagi membolehkan mereka menikmati karya," katanya.

Salleh, guru yang sedang melanjutkan pelajaran pada peringkat sarjana pendidikan berkata, program Kembara Puisi IPT 2001 mampu menjana perpaduan dan integrasi kaum di negara ini.

"Kaum lain jangan melihat puisi untuk orang Melayu saja kerana di dalamnya terselit nilai bangsa Malaysia dan mahasiswa serta ahli akademik bukan Melayu sewajarnya merebut peluang sama-sama menjayakan program ini," katanya.

Pengarah Dewan Budaya USM, Prof Madya Dr Ismail Abdullah, memilih untuk mendeklamasikan puisinya Bumi Ini Tanah Ini dan Jangan Apa-apa Bende karaku.

"Kedua-dua puisi karya saya itu diharap dapat memberi kesedaran kepada khalayak untuk mempertahankan maruah negara supaya tidak dimomokkan kuasa asing," katanya.

Dr Ismail berharap setiap rakyat Malaysia menghayati makna positif yang tersirat di sebalik penggunaan warna merah, biru, putih dan kuning pada bendera Malaysia.

"Sebagai warga Malaysia menjadi kewajipan setiap kita mengutamakan dan mendaulatkan negara sendiri tanpa mengira apa juga fahaman politik masing-masing," katanya.

Pensyarah Seni USM, Prof Madya Dr Zakaria Ali, akan mendeklamasikan tiga puisi karyanya Sungai, Ibu Yang Hilang dan Peringatan, untuk dikongsi bersama khalayak Kembara Puisi IPT hari ini.

"Puisi Sungai dan Pengembara penuh dengan perlambangan meskipun nampak biasa secara tersurat manakala Peringatan ditulis berdasarkan peristiwa ketika meraikan ulang tahun ke-53 saya baru-baru ini," katanya.

Beliau yang juga pelukis dan sasterawan berpegang kepada pendirian,

hakikat sastera berkisar kepada masalah manusia dan tiada tamadun yang maju tanpa sastera.

Justeru, semua pihak perlu sedar bahasa tetap menjadi alat asas komunikasi dalam apa juga zaman dan teknologi manakala kecanggihan teknologi tidak berfungsi tanpa bahasa.

Dr Zakaria percaya program Kembara Puisi IPT 2001 dapat merancakkan dunia sastera tanah air dan membuka peluang kepada warga kampus daripada pelbagai aliran dan bidang untuk sama-sama menjayakannya.

"Sastera mengajar manusia untuk menjadi positif dan tiada satu pun tamadun dalam dunia ini yang dibina tanpa sumbangan dari dunia sastera dan kerana itu masyarakat perlu terus didekatkan dengan bidang itu.

"Untuk mengubah masyarakat supaya cinta kepada sastera, kita perlu bermula di sekolah dan langkah Kementerian Pendidikan memperkenalkan Komponen Sastera Dalam Bahasa Melayu (Komsas) adalah satu langkah baik," katanya.

Tidak ketinggalan, Tokoh Budaya Negeri Kedah, Afrini Adham, bakal memeriahkan Kembara Puisi IPT 2001 dengan puisi Mengangkat Wadah Laksamana Hang Tuah dan Panggilan Tanah Air.

"Dalam Mengangkat Wadah Laksamana Hang Tuah, saya mengingatkan orang Melayu tidak mengagung dan membanggakan pahlawan silam mereka tanpa berusaha dan menggembelng tenaga untuk majukan negara.

"Puisi Panggilan Tanah Air pula mengingatkan khalayak pentingnya setiap warganegara Malaysia berkerja ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 selepas berjaya merentas anasir yang cuba merosakkan kemerdekaan negara," katanya.

Penyair yang berkarya sejak 1947 itu berkata, beliau menyambut baik program Kembara Puisi IPT kerana usaha memartabatkan puisi sejak 1940-an kini berjaya menerobos ke hotel, parlimen dan pusat pengajian tinggi.

"Sastera berperanan tersendiri sejak dari dulu dan terbukti pada zaman penjajahan British, penjajah dipermainkan melalui genre puisi yang tidak mampu mereka fahami.

"Pegawai British hanya memantau cerpen dan novel bagi mencari kemungkinan adanya hasutan tetapi membiarkan puisi dan pantun sehingga ia diperalatkan oleh orang Melayu untuk membakar semangat nasionalisme bangsa mereka," katanya.

Afrini berkata, pandangan yang melabelkan karya sastera berkisar kepada dongeng, mitos, legenda dan tidak berpijak di bumi nyata adalah agenda Barat untuk memusnahkan rakyat negara jajahan mereka.

"Sastera bukan saja memberi manfaat kepada masyarakat tetapi juga boleh dijadikan alat menyampaikan mesej, pesanan mahupun nasihat dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memanfaatkan puisi bagi tujuan itu," tegasnya.

Tidak ketinggalan, majlis hari ini turut dijayakan penyair dari Pahang, Marsli NO, yang akan mendeklamasikan puisinya Membaca Sandiwara dan Memurtadi Sejarah.

"Kedua-dua puisi saya mengajak kita menilai `sandiwara' yang ditonton hari ini sama ada di Internet, televisyen, radio mahupun akhbar dan banyak oleh dipelajari daripada sejarah lalu," katanya.

Kumpulan lagu puisi, Koprata, pula akan memeriahkan majlis hari ini dengan tiga lagu iaitu Sepanjang Jalan Ke Pulau Pinang, Berkolek Bersajak dan Nusantara.

Salah seorang ahlinya, Syed Indera Syed Othman atau lebih dikenali sebagai Siso berkata, Koprata sengaja memilih lagu bukan daripada album mereka bagi membolehkan penonton mendengar lagu orang lain dinyanyikan kumpulan itu.

"Penonton akan dapat membandingkan Berkolek Bersajak karya JM Aziz yang lazimnya dinyanyikan dengan paluan rebani ubi manakala persembahan kami

menggunakan akordian, rebana dan gitar secara minus-one," katanya.

Sepanjang Jalan Ke Pulau Pinang karya Zurinah Hassan sengaja dipilih memandangkan kami dari Kuala Lumpur dan mengadakan persembahan di Pulau Mutiara.

Nusantara karya M Nasir berkisar kepada adat dan budaya Melayu serta memberi peringatan mengenai kepentingan warga Nusantara bersatu.

(END)